



Praktis Ekstra

Bab 2


Zaman Air Batu

1. Lengkapkan ayat berikut berkaitan dengan perubahan Zaman Air Batu Akhir.

air laut	sloth	air tawar
Holosen	sungai	Glasier

- (a) _____ telah mengubah bentuk fizikal bumi. Air batu yang cair dari kawasan tanah tinggi dan gunung membawa batu dan tanah semasa menuruni tanah tinggi.
- (b) Lebihan air yang dibawa akan melimpahi ke kawasan laut. Kesannya berlaku perubahan paras _____ dengan kedalaman 100 meter.
- (c) Kecairan air batu membentuk tasik _____ seperti Tasik Dayang Bunting di Malaysia dan Great Lakes di Kanada.
- (d) Bentuk saluran _____ turut berubah kepada bentuk yang wujud pada hari ini.
- (e) Pada Zaman Air Batu Akhir, berlaku kepupusan binatang yang hidup pada Zaman Pleistosen seperti mamot, _____ dan harimau bertaring.
- (f) Pada Zaman _____, berlaku perubahan iklim yang memberikan kesan kepada kehidupan manusia kerana mereka perlu menyesuaikan aktiviti harian dengan perubahan iklim.

2. Gariskan jawapan yang betul berkaitan dengan radiasi bumi.



- (a) Kegiatan radiasi bumi merupakan penyebab utama kepada (penurunan ; peningkatan) suhu bumi.
- (b) Radiasi bumi daripada sinaran (matahari ; bulan) menyebabkan berlaku pemanasan kepada bumi.
- (c) Bumi mula mengalami perubahan iklim daripada terlalu (panas ; sejuk) kepada sederhana sejuk.